

PERENGGAN PENUTUP

Perenggan penutup berfungsi untuk membuat rumusan secara keseluruhan idea yang telah diberikan dalam perenggan-perenggan sebelumnya. Perenggan ini boleh ditulis dengan menggunakan tiga hingga lima ayat. Dalam perenggan penutup, murid tidak sepatutnya mengulang perkara yang telah ditulis dalam perenggan pendahuluan. Antara cara menulis perenggan penutup adalah seperti:

- (a) Menyatakan semula
- (b) Membuat ramalan
- (c) Membuat cadangan

Menyatakan Semula

Melalui teknik ini, murid menyebut atau mengulang semua hujah yang telah dikemukakan sebagai idea utama secara ringkas.

Contoh:

Kesimpulannya, banyak langkah yang telah diambil untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan. Pihak swasta telah didedahkan tentang penggunaan bahasa yang betul dalam urusan pekerjaan. Penggunaan bahasa yang betul di pejabat-pejabat kerajaan pula telah dipantau dari semasa ke semasa. Selanjutnya, orang ramai telah diberikan kesedaran tentang pentingnya bahasa Melayu digunakan dengan sempurna. Semua langkah yang telah diambil ini diharapkan dapat memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan.

Membuat Ramalan

Dengan menggunakan teknik ini, murid menjelaskan kemungkinan yang akan berlaku.

Contoh:

Setelah semua langkah yang proaktif diambil, bahasa Melayu akan digunakan oleh semua pihak dengan betul. Kita tidak lagi akan melihat kesalahan bahasa di papan-papan tanda di negara ini. Para pekerja di perkhidmatan kaunter pula akan menggunakan bahasa yang baik dan teratur. Kita juga tidak lagi akan mendengar penggunaan bahasa rojak dalam kalangan masyarakat. Tuntasnya, bahasa kebangsaan digunakan dengan bangganya oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Menyatakan Cadangan

Melalui teknik ini, murid menutup karangan dengan cara memberikan cadangan yang munasabah. Walau bagaimanapun, penutup jenis ini tidak sesuai untuk karangan yang isinya berupa langkah atau cara untuk menyelesaikan sesuai.

Contoh:

Jelaslah bahawa bahasa kebangsaan boleh dimartabatkan jika semua pihak mengambil berat tentang hal ini. Pihak swasta perlu didedahkan tentang penggunaan bahasa yang betul dalam urusan pekerjaan. Penggunaan bahasa yang betul di pejabat-pejabat kerajaan pula hendaklah dipantau dari semasa ke semasa. Selain itu, orang ramai mestilah diberikan kesedaran tentang kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Melalui langkah-langkah yang telah diambil ini, kita berharap agar penggunaan bahasa kebangsaan boleh dimartabatkan.